



SHATAR SABRAN (kiri) merasmikan Ekspo Karier, Keusahawanan dan Pemasaran di Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, UPM, Serdang, Selangor, semalam. - UTUSAN/JEFFRI IRAN

83% graduan UPM dapat pekerjaan

SERDANG 18 Mei - Lulusan Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya meraih pencapaian yang membanggakan apabila sebanyak 83 peratus daripada 3,000 siswanya berjaya mendapat kerja sebelum tamat pengajian mereka.

Timbalan Naib Canselor UPM, Datuk Shatar Sabran berkata, pihaknya mendapati pencapaian tersebut banyak dibantu oleh program Ekspo Karier, Keusahawanan dan Pemasaran yang dianjurkan oleh UPM setiap tahun.

"Kita mahu memberi kemudahan kepada pelajar untuk mendapat kerja. Seajar dengan kadar 80 peratus yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi, kita berjaya mencapai 83 peratus

tahun lalu dan ini menunjukkan bahawa pelajar universiti ini mempunyai kebolehan untuk bersaing di alam pekerjaan.

"Malah ada antara pekerja yang terlibat dengan ekspo tahun ini merupakan siswazah universiti ini dan kerana itu, siswa yang bakal bergelar graduan pada konvokesyen tahun ini perlu mengambil peluang yang ditawarkan dalam ekspo ini," katanya dalam sidang akhbar Ekspo Karier, Keusahawanan dan Pemasaran di Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, UPM, Serdang, hari ini.

Ekspo selama dua hari bermula hari ini menyaksikan penglibatan 52 syarikat dengan hampir 70 pera-

tus daripadanya adalah syarikat baharu yang menawarkan 4,000 pekerjaan terutamanya dalam sektor kejuruteraan, teknologi maklumat dan sumber manusia.

Antara syarikat tersebut ialah Agro Bank, Continental Group, Nippon Paint, Konica Minolta, Sony Entertainment, Tan Chong Group, Hewlett-Packard Enterprise, Prudential Financial dan Toyota Motors.

Tambah Shatar, daripada 20 universiti awam dan 150 institusi pengajian tinggi swasta di negara ini, UPM merupakan antara universiti yang menyaksikan majoriti siswazahnya berjaya mendapat pekerjaan selepas menamatkan pengajian.